

12/10/2003

Operasi NAM tingkatkan pengalaman petugas OIC

Ismail Mat; Azmi Md Deros

DALAM kesibukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuat persiapan keselamatan sempena sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) yang bermula semalam, negara dikejutkan dengan penculikan enam pekerja resort di Sabah pada malam Ahad, minggu lalu.

Kejadian itu diyakini tidak mempunyai sebarang kaitan dengan ancaman keganasan di negara ini, malah PDRM sudah membuat persediaan rapi bagi memastikan aspek keselamatan sepanjang persidangan OIC, menjadi kejayaan terbaik perkhidmatan mereka.

Wartawan Berita Minggu, ISMAIL MAT dan AZMI MD DEROS, menemui Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, Jumaat lalu, selepas beliau menyampaikan amanat khas kepada sebahagian daripada kira-kira 8,000 pegawai dan anggota polis yang terbabit dalam penugasan sempena OIC yang dikenali sebagai Ops OIC Mar 03.

Selain menyampaikan pesanan dan ingatan kepada setiap anggota, Norian turut mengulas perkembangan kes penculikan di Sabah serta pemalsuan cek yang dikesan baru-baru ini.

PIHAK berkuasa Thailand mengesan ancaman keganasan di negara itu ketika membuat persiapan keselamatan menjelang persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), 19 Oktober ini. Bagaimana pula langkah Malaysia memastikan tiada sebarang ancaman yang boleh mengganggu gugat persidangan OIC di Kuala Lumpur?

PDRM meneliti soal keselamatan perwakilan OIC dari pelbagai sudut. Pertama dari aspek keselamatan negara, kita meningkatkan perisikan bagi menentu dan memastikan bahawa tiada organisasi atau mana-mana individu yang mempunyai rancangan untuk mengganggu perjalanan persidangan OIC. Dari aspek persiapan pula, kita dapat melihat penugasan anggota polis dibuat secara meluas. Kita juga melatih unit tertentu yang berfungsi khas dalam mengawal keselamatan khususnya tetamu kenamaan utama (VVIP) yang akan hadir ketika OIC. Ketiganya, dari segi sistem yang dilaksanakan, ini termasuklah aspek kawalan trafik dan perjalanan perwakilan. Setiap keputusan termasuk tindakan menutup jalan pada masa tertentu dan memilih jalan tertentu. Ia dibuat atas pertimbangan keselamatan dan kelancaran pergerakan VVIP persidangan OIC. Saya ingin meminta kerjasama dan kefahaman penduduk Lembah Klang mengenai penutupan -jalan tertentu pada masa yang ditetapkan bagi melicinkan lagi pergerakan VVIP. Saya tahu, ini akan mengganggu perjalanan kerja atau pergerakan pengguna jalan raya di Lembah Klang sepanjang waktu itu. Namun, ini tidak dapat elakkan. Saya minta pengguna jalan raya dan orang ramai memahami situasi itu. Ia juga boleh dikatakan sebagai satu pengorbanan yang perlu dilakukan penduduk ibu kota ini dalam usaha kita membantu negara menjayakan hasrat menjadi tempat persidangan peringkat antarabangsa berlangsung. Kerjasama orang awam memahami tindakan polis saya anggap turut penting dalam penugasan ini.

Sebelum ini, PDRM berpengalaman dalam penugasan keselamatan sempena NAM, apa kelemahan yang dikenal pasti di kalangan anggota ketika itu?

Hasil bedah siasat dan perbincangan yang dibuat selepas operasi NAM, saya dapati ada kelemahan dalaman yang tidak sepatutnya diulangi ketika operasi OIC. Sebagai contohnya ada petugas bersikap 'pak turut' seolah-oleh tidak tahu hendak buat apa, tidak tahu peranan dan tanggungjawab yang sepatutnya dijalankan. Dalam operasi besar seperti ini, petugas mestilah tahu proses kerja sebenar. Matlamat proses kerja PDRM ialah menuju ke arah mencapai objektif yang ditetapkan. Petugas memberi fokus kepada rintangan

atau batasan yang mungkin boleh berlaku di luar jangkauan kita. Bukan sekadar datang dan menjadi pak pacak di lokasi tertentu.

Contoh kedua ialah budaya tolak kerja. Ada pegawai dan petugas yang diamanahkan tanggungjawab tertentu tidak melaksanakan tanggungjawabnya, tetapi menolak tugas itu kepada orang lain. Pegawai berkenaan tahu masalah dan tugas tetapi kerana memiliki sikap negatif yang tidak sepatutnya ada, lebih-lebih lagi dalam operasi sebesar ini, tanggungjawab itu ditolak kepada orang lain.

Ketiga ialah sikap suka menyalahkan orang lain. Apabila wujud sesuatu masalah, masing-masing seperti cerita bangau oh bangau, orang sana salahkan orang di sini. `Venue Commander' salahkan urusetia, urusetia kata trafik tidak jalankan tugas dan macam-macam lagi. Kita bekerja sebagai satu pasukan, elakkan daripada menuding jari ke arah orang lain jika timbul masalah. Sepatutnya selidiki dulu masalah itu dan sama-sama mencari jalan mengatasinya.

Ada juga bersikap acuh tak acuh, membuat kerja sambil lewa, terikut-ikut dengan gaya kerja orang lain, suka ponteng, tidak menerima hakikat sebenar fungsi operasi serta suka merayau-rayu ketika tidak bertugas dan waktu rehat menyebabkan petugas kelihatan lesu, tidak bermaya dan sehingga ada yang mengabaikan tugas.

Apakah usaha yang dibuat bagi memastikan segala kelemahan yang dikesan dalam penugasan anggota polis sepanjang persidangan NAM itu, tidak berulang ketika OIC kali ini?

Pertama kita sudah meningkatkan latihan dan mengingatkan semua anggota yang terbabit termasuk `Venue Commander' dan pegawai yang bertugas supaya memberi perhatian kepada perkara yang saya sebutkan tadi iaitu beberapa kelemahan yang kita kesan ketika penugasan NAM. Kelemahan ketika penugasan NAM itu bukan bermakna ia dilakukan oleh sebahagian besar. Kalau sebahagian besar anggota melakukannya, tentulah kelemahan ini akan nampak nyata oleh pelbagai pihak. Ia hanya membabitkan segelintir kecil anggota ketika penugasan NAM. Namun, kita tidak mahu kelemahan ini berulang, sebab itu saya ingatkan tadi, perkara yang kita fikir boleh diperbaiki itu supaya keseluruhan penugasan OIC ini akan lebih berjaya daripada penugasan yang lampau.

Bagaimana pula kejadian penculikan enam pekerja resort di Sabah pada Ahad lalu. Tidakkah ini boleh menggugat keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap keselamatan di Malaysia?

Kejadian di Sabah ini saya anggap penjenayahan biasa. Tidak ada yang luar biasa kerana ia tidak membabitkan pelancong asing. Kita juga percaya ia tidak secara terus membabitkan kumpulan penjenayah atau lanun dari luar negara. Sebaliknya, kita berkeyakinan ia dilakukan oleh penjahat dalam negara kita dan ini tidak memberi gambaran keadaan di Sabah itu berbahaya. Keselamatan di Sabah masih seperti biasa, kita lihat pelancong bergerak dengan bebas dan mengunjungi semua tempat peranginan dan tempat peranginan yang utama dan terkenal dikawal rapi oleh pihak keselamatan, sama ada polis atau tentera. Malah, ada pulau yang dijaga oleh polis dan tentera.

Setakat ini, ada tak sebarang tangkapan dilakukan berhubung kes penculikan itu?

Belum!.

Laporan dari Filipina menyatakan hanya seorang rakyatnya diculik dalam kejadian itu, manakala yang lain terdiri tiga rakyat Indonesia dan dua rakyat Malaysia yang menjadi mangsa?

Sebenarnya tidak. Mereka ialah rakyat Indonesia dan Filipina. Beberapa daripadanya ialah pendatang tanpa izin.

Adakah sebarang tuntutan dikemukakan oleh kumpulan penjenayah terbabit setakat ini?

Dengan ringkas saya katakan kerana ia sebahagian operasi. `Contact' ada

tapi saya tak mahu nyatakan lebih daripada itu.

Pihak berkuasa meningkatkan kawalan keselamatan di Sabah selepas kejadian penculikan di Pulau Sipadan. Namun, kejadian penculikan masih berulang. Di manakah kelemahan pengawasan atau mungkinkah kita mempunyai kelemahan dalam risikan.

Saya melihat begini! Batasan kita begitu luas. Pantai yang panjang dan pulau yang banyak. Jadi sebagaimana ditulis dalam akhbar, walaupun semua keanggotaan kita ditempatkan di Sabah, tidak ada jaminan 100 peratus. Apatah lagi dari laut, bukan mudah dapat diberi liputan yang betul-betul 100 peratus. Namun, kita berusaha menggerakkan anggota dan logistik yang ada pada paras maksimum.

Baru-baru ini, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Hung, menyatakan kerajaan akan mengkaji kemungkinan untuk meningkatkan gaji minimum bagi semua anggota polis. Bagaimana PDRM melihat usaha ini?

Tentulah sebarang cadangan yang mendatangkan kebaikan kepada anggota saya, pasti saya sokong, tetapi kita berharap cadangan itu tidak tinggal begitu saja tanpa sebarang keputusan yang positif dalam masa terdekat sebab isu ini bukan perkara baru yang dibangkitkan dalam akhbar dan Parlimen. Saya yakin seluruh anggota polis berdoa cadangan itu menjadi kenyataan.

Baru-baru ini, polis mendakwa di mahkamah, tiga orang berhubung penipuan cek palsu. Ia dilihat agak lewat sedangkan kita difahamkan, penipuan cek palsu bermula di Perlis sejak awal tahun lalu. Kenapa ini berlaku?

Saya tidak pasti sama ada ia bermula di Perlis atau tidak, tetapi pada penelitian saya terhadap kes di Pulau Pinang, Melaka dan sebagainya, ia boleh dikesan atau dihalang jika sistem pengeluaran cek dan sistem semakan diperkembangkan kerana dari semasa ke semasa penjenayah semakin cerdik dan memikirkan bagaimana mahu mengatasi sistem keselamatan yang ada sekarang ini.

Dalam kes penipuan yang berlaku itu, betul jumlah kerugiannya berjuta-juta tetapi pengeluaran cek itu kecil dan tidak menarik perhatian. Kalau tidak salah saya, setiap satu cek bernilai di bawah RM10,000. Pengeluaran cek semacam ini tidak menarik perhatian dan hanya dikesan selepas sekian banyak ditunaikan. Selepas ini, seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sistem akan diperkembangkan lagi dengan menggunakan ciri keselamatan tambahan.

Kalau kita kaji cek yang dikeluarkan institusi perbankan sebenarnya sudah dilengkapi ciri-ciri keselamatan yang agak baik tetapi cek palsu masih boleh ditunaikan. Tidakkah ini menunjukkan kelemahan institusi perbankan terutama kelalaian kakitangan bank mengendalikan cek itu?

Saya tak fikir setakat itu. Lagipun kes mahkamah sedang berjalan. Jadi saya menyarankan selepas kejadian ini, kita mesti memperbaiki segala kelemahan yang berlaku. Kalau kita dapat sekat pada masa hadapan pun, ia sudah satu kejayaan.

Bagaimana kerjasama daripada pihak bank dalam membantu penyiasatan kerana difahamkan ada bank yang kurang memberi kerjasama?

Saya fikir bank memberi kerjasama kerana ini membabitkan kepentingan mereka. Keselamatan sistem perbankan yang menjadi isu. Saya yakin mereka akan memberi kerjasama.

Adakah pola jenayah masa kini menunjukkan perubahan daripada jenayah kekerasan kepada jenayah perdagangan yang membabitkan kerugian kewangan yang tinggi dengan menggunakan teknologi?

Memang! kita lihat peningkatan aspek jenayah perdagangan ini sudah menjadi satu kenyataan. Ia meningkat kerana ruang untuk penjenayah menggunakan sistem teknologi maklumat (IT) bagi melaksanakan jenayah ini. Perkara yang baru ini juga menjadi cabaran kepada PDRM dalam aspek penyiasatan. Berikutan itu, kita berusaha meningkatkan program latihan

serta memberi pendedahan kepada pegawai kita termasuk dihantar ke luar negara untuk menjalani latihan.